

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [ PUCHONG ]**

**TARIKH : 30 MAC 2015**

**RUJUKAN : 7578**

**SOALAN:**

**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada wujudnya satu sendikit di mana orang yang disabitkan kesalahan dan dihukum penjara dibebaskan tanpa melalui hukuman di Mahkamah Klang dan apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasinya. Adakah laporan polis dibuat oleh seorang Majistret di Klang dan apakah tindakan yang akan diambil berkaitannya.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**PDRM memandang serius tentang kejadian jenayah yang berlaku terutamanya melibatkan penyelewengan atau salah guna kuasa di kalangan pegawai polis.**

**Berkaitan kes orang kena tuduh (OKT) yang disabitkan kesalahan dan dihukum penjara tapi telah dibebaskan, pihak polis telah menjalankan siasatan berkait Klang Repot 4025/2015 bertarikh 28 Januari 2015, yang dibuat oleh Pembantu Tadbir Undang-undang Mahkamah Klang, Selangor. Kes disiasat di bawah Seksyen 223 dan Seksyen 224 Kanun Keseksaan kerana melarikan diri dari tahanan dan melepaskan tahanan dengan salah.**

**Kejadian ini berlaku apabila Mahkamah Majistret 3 Klang, Selangor, telah menjatuhkan hukuman penjara terhadap 5 orang warganegara Cina dan diperintahkan menjalani hukuman di Penjara Wanita Kajang. Setelah semakan dibuat, hanya seorang sahaja tahanan berada di dalam penjara Kajang tersebut dan 4 orang tahanan telah menghilangkan diri dipercayai dilepaskan oleh orang tertentu.**

**Hasil daripada siasatan yang dibuat, tiga tangkapan telah dibuat ke atas 2 anggota polis dan seorang peguam yang terlibat dalam kejadian tersebut. Kertas siasatan telah dirujuk pejabat Peguam Negara dan ketiga-tiga suspek telah dituduh di Mahkamah Klang pada 2 Mac 2015 atas kesalahan di bawah Seksyen 222 (c) Kanun Keseksaan, Seksyen 17 (a) Akta SPRM dan Seksyen 17 (b) Akta**

**SPRM. Siasatan juga mendapati tiada sindiket yang terlibat seperti yang didakwa tapi lebih bermotifkan kepada keuntungan kewangan kepada suspek yang terlibat.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN  
[ SEPANG ]**

**TARIKH : 30 MAC 2015 (ISNIN)**

**SOALAN : 21**

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [ Sepang ] minta MENTERI  
PENGANGKUTAN menyatakan:-**

- (a) mengapakah Malaysia tidak dimasukkan dalam "*Joint Investigation Team*" (JIT) yang ditugaskan untuk menyiasat tragedi MH17 sedangkan ia melibatkan pesawat milik Malaysia, anak-anak kapal warganegara Malaysia dan sebahagian mangsa yang juga rakyat Malaysia; dan
- (b) berapakah jumlah tuntutan yang telah dibuat oleh waris-waris penumpang ke atas Malaysia atau MAS dan berapakah jumlah pampasan yang telah dibayar setakat ini. Berikan butiran terperinci.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung isu hasil siasatan, siasatan jenayah masih sedang dikendalikan oleh negara masing-masing seperti Malaysia, Australia, Ukraine dan Netherlands serta *Joint Investigation Team* (JIT) yang diterajui oleh Netherlands dan dianggotai oleh Malaysia, Ukraine. Australia dan Belgium.
  
- (b) Berhubung jumlah pampasan yang telah dibayar setakat ini kepada waris penumpang pesawat MH17, jumlah penuh dan akhir pampasan (*full and final compensation*) yang patut diterima oleh keluarga mangsa adalah bergantung kepada pembuktian kerugian (*subject to proof of loss*) yang unik bagi setiap penumpang. Pembuktian kerugian ini akan dinilai mengikut prinsip undang-undang dan tertakluk kepada Konvensyen Montreal 1999 (*Montreal Convention*). Buat masa ini, hanya 4 keluarga mangsa nahas MH17 yang telah bersedia untuk membuat penilaian jumlah pampasan akhir tersebut.

Dalam pada itu, Malaysia Airlines (MAS) telah menawarkan wang pendahuluan pampasan (*Advance Compensation Payment - ACP*) berjumlah USD50,000 kepada waris setiap penumpang MH17. Sehingga kini, MAS melalui syarikat insurans telah membayar sebanyak RM28,440,000 kepada 158 orang waris penumpang.